

Pindaan baru: Raja tidak boleh ampun diri sendiri

U.M. 31 DEC 1992

Oleh
Baharom Mahusin

KUALA LUMPUR 30 Dis. — Raja-raja Melayu tidak boleh memberi pengampunan kepada diri mereka sendiri, putera atau kerabat mereka yang terdekat di bawah pindaan Perlembagaan Persekutuan yang akan dibuat tidak lama lagi, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

"Kita akan turut meminda perlembagaan supaya raja-raja tidak boleh ampunkan diri sendiri, anaknya atau kerabat diraja terdekat.

"Kuasa untuk mengampun (jika ada raja yang didapati bersalah) akan dipindahkan kepada raja-raja Melayu yang lain.

"Bagaimanapun untuk kes-kes lain yang bukan melibatkan sultan dan kerabat raja,

Jemaah Pengampunan Raja masih wujud," kata beliau kepada para pemberita selepas mengadakan perjumpaan khas dengan kira-kira 1,500 orang pemimpin bahagian UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini.

Menurut Dr. Mahathir, langkah itu perlu diambil bagi mengelakkan raja-raja mengampun diri sendiri atau kerabat mereka yang melakukan jenayah.

Beliau menegaskan, kuasa pengampunan raja perlu dipinda sejajar dengan pindaan ke atas Perkara 18 (2) yang akan menghapuskan imuniti yang dinikmati oleh raja-raja sekarang.

Katanya, pindaan ke atas kuasa mengampun perlu dibuat supaya penguatkuasaan pindaan menghapuskan imuniti raja dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Perjumpaan yang turut dihadiri oleh hampir semua ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Menteri-Menteri Besar tersebut berlangsung selama lebih dua jam.

Pada perjumpaan khas ini, Perdana Menteri menjelaskan secara terperinci isu menghapuskan imuniti raja di samping mengadakan sesi soal jawab dengan pemimpin-pemimpin bahagian UMNO.

"Pemimpin-pemimpin bahagian memberi sokongan padu kepada kerajaan. Terdapat perasaan yang kuat agar pindaan itu dilaksanakan walaupun terdapat pihak yang berpendapat akhbar-akhbar terlalu agresif dalam soal ini," kata Dr. Mahathir.

Sebelum perjumpaan khas itu bermula pada pukul 3.30 petang, Dr. Mahathir bersama timbalannya, Ghafar Baba mengadakan pertemuan singkat

dalam satu bilik berasingan dengan Naib-naib Presiden UMNO dan Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin termasuk beberapa pemimpin tertinggi yang lain,

Menurut Perdana Menteri, selain soal kuasa mengampun, kerajaan juga memutuskan untuk turut meminda Akta Hasutan bagi membolehkan kelakuan jenayah seseorang raja dibawa ke muka pengadilan.

"Peruntukan Akta Hasutan (berhubung keistimewaan raja-raja) perlu dipinda kerana pada masa sekarang sebarang laporan polis oleh seseorang rakyat mengenai kelakuan jenayah raja masih boleh dianggap sebagai satu bentuk hasutan.

"Oleh kerana ia menjadi satu bentuk hasutan, pihak berkenaan (rakyat) tidak akan

LIHAT MUKA 2

PINDAAN BARU: RAJA TIDAK BOLEH AMPUN DIRI SENDIRI

membuat laporan kerana mengetahui bahawa jika laporan polis dibuat mereka boleh dihukum di bawah Akta Hasutan.

"Kita kena pinda dan hapuskan peruntukan seperti ini," tegas Dr. Mahathir.

Menurutnya, dalam perjumpaan khas dengan pemimpin-pemimpin bahagian UMNO hari ini, beliau menegaskan bahawa hasrat kerajaan untuk menghapuskan imuniti raja bukan bertujuan untuk menghapuskan sistem beraja di negara ini.

Beliau berkata, peruntukan imuniti yang ada sekarang akan menyebabkan kemungkinan berlakunya perbuatan jenayah oleh sesetengah raja dan jika perkara seumpama ini berlaku pandangan rakyat terhadap institusi raja akan merosot.

Menjawab pertanyaan apakah yang dilakukan oleh kerajaan ke atas jenayah-jenayah masa lepas yang dilakukan oleh raja tertentu, Perdana Menteri berkata, perkuatkuasaan pindaan menghapuskan imuniti tidak akan melibatkan kes-kes sebelum ini.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir menjelaskan, selepas pindaan menghapuskan imuniti tersebut diluluskan, raja-raja boleh dihukum dalam kedua-dua kes sivil dan jenayah.

Beliau menjelaskan, untuk membawa usul menghapuskan imuniti raja di Dewan Rakyat, persetujuan Majlis Raja-Raja tidak diperlukan tetapi usul itu memerlukan perkenan raja sebelum ia sah menjadi undang-undang.

"Soal apa tindakan kita jika mendapat perkenan raja selepas Parlimen meluluskan usul tersebut akan ditentukan kemudian," kata Perdana Menteri.